

**AQIDAH DAN FALSAFAH POLITIK SIRI 7: PENDIDIKAN ISLAM (IBN KHALDUN, KHAIRUDDIN AT-TUINISI DAN RASHID AL-GHANNUSHI)** oleh Makmor Tumin. Penyunting oleh Ahmad Faiz Yaakob. 2024. Firdaus Press Publications. Halaman 105. ISBN 978-967-2440-20-8.

Penulisan buku Aqidah dan Falsafah Politik Siri 7: Pendidikan Islam (Ibn Khaldun, Khairuddin At-Tuinisi Dan Rashid Al-Ghannushi) oleh Makmor Tumin dari Universiti Malaya, Malaysia ini adalah bertujuan untuk meneroka pemikiran Islam melalui tiga tokoh penting dalam sejarah dan era moden, khususnya dalam konteks aqidah dan politik. Setiap tokoh yang dikenangkan mempunyai pandangan unik yang mencerminkan era, latar belakang budaya, dan cabaran zaman mereka. Penulis, Makmor Tumin, menggunakan pendekatan analisis kritis untuk menggambarkan relevansi idea-idea ini dalam membentuk pendidikan Islam kontemporari dan prinsip falsafah politik. Buku ini bukan sahaja menyusun pemikiran ketiga-tiga tokoh tetapi juga menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pembaca dan memberikan kerangka bagi memahami cabaran dan peluang dalam menerapkan pendidikan Islam dalam masyarakat moden. Buku ini mengajak pembaca untuk berfikir hubungan diantara falsafah aqidah, pendidikan, dan politik diantara tiga tokoh ini. Buku ini relevan bagi setiap lapisan masyarakat seperti pelajar, ahli akademik dan pembuat dasar yang mencari rujukan dalam memajukan falsafah pendidikan Islam dan menjadikannya sebagai asas perubahan masyarakat.

Kajian, penelitian dan pembacaan terhadap buku ini penting bagi mengkaji dalam konteks aqidah dan politik yang dibawakan oleh tiga tokoh iaitu Ibn Khaldun, Khairuddin At-Tuinisi dan Rashid Al-Ghannushi pada zaman mereka masih hidup. Tambahan pula, tiga tokoh yang menjadi perbincangan ini hidup pada tahun yang berbeza yang membezakan beratus tahun. Buku ini disusun dibahagikan berdasarkan era tokoh tersebut, bermula dengan Ibnu Khaldun (1332M), Khairuddin At-Tuinisi (1820M) dan Rashid Al-Ghannushi (1941M) sama seperti pada tajuk buku ini. Ibnu Khaldun memperkembangkan teori *asabiyyah* sebagai asas pembentukan masyarakat yang stabil. Teori Khairuddin at-Tuini pula, pendidikan dilihat sebagai *mekanisme* utama untuk mencapai kemajuan teknologi dan intelektual tanpa meninggalkan etika Islam. Manakala Rashid al-Ghannushi, Pendidikan Islam dijadikan sebagai landasan dalam bidang politik dalam membentuk sebuah negara yang maju, adil, hak asasi dan hak kemerataan seperti ditetapkan dalam Islam

Metodologi yang digunakan oleh penulis menunjukkan penulis mengkaji dengan teliti dan mendalam dalam mengupas pemikiran ketiga-tiga tokoh besar ini. Penulis menggunakan analisis pemikiran tokoh berasaskan sumber primer, seperti kitab *Muqaddiamah* yang ditulis oleh Ibn Khaldun, risalah pembaharuan Khairuddin at-Tuini dan wacana politik Rashid al-Ghannushi. Dengan rujukan kepada sumber primer ini, penulis memastikan keaslian dan kredibiliti analisis yang dibentangkan, sekali gus meminimumkan risiko salah tafsir terhadap pemikiran tokoh-tokoh ini. Pendekatan komparatif turut digunakan oleh penulis, di mana pandangan ketiga-tiga tokoh dibandingkan dari aspek pendidikan, aqidah dan falsafah politik. Penulis mendedahkan persamaan dan perbezaan pemikiran mereka, memberikan pembaca perspektif yang lebih luas dan mendalam tentang bagaimana falsafah pendidikan Islam berkembang dalam konteks yang berbeza. Selain itu, buku ini disusun berdasarkan pendekatan kronologi yang memperlihatkan latar belakang sejarah dan perkembangan zaman setiap tokoh.

Pendekatan ini memudahkan pembaca memahami pengaruh konteks sosial dan politik terhadap falsafah pendidikan dan aqidah yang diketengahkan.

Kaedah tarikan yang digunakan oleh penulis dalam buku ini pada keupayaannya menghubungkan tradisi intelektual Islam dengan keperluan moden. Dengan membentangkan kesinambungan idea dari zaman klasik hingga kontemporari, buku ini membantu pembaca melihat relevansi prinsip-prinsip Islam dalam setiap era. Tambahan pula, metodologi ini tidak hanya memperluaskan perspektif pembaca sahaja, tetapi juga menggalakkan penyelidikan lanjut dalam bidang pendidikan dan falsafah politik Islam. Secara keseluruhannya, metodologi penulisan ini memastikan buku ini menjadi rujukan yang berkredibiliti, relevan dan inspirasi untuk pembaca dan pengkaji yang berminat menerapkan prinsip Islam dalam pendidikan dan politik moden.

Pembahagian isi kandungan pula, penulis membahagikan kepada tiga bahagian besar. Bahagian pertama, tentang Pemikiran yang dibawa oleh Ibn Khaldun (m/s 1-26) Dalam bab ini terbahagi kepada enam bahagian iaitu pendahuluan, metod sejarah dan falsafah ketamadunan, *asabiyyah*, *badawa* dan *hadharah*, ekonomi politik dan berakhirnya dinasti, antara pemerintahan Islam dan kerajaan semula jadi dan kesimpulan. Bahagian kedua ialah pemikiran yang dibawa oleh Khairuddin at-Tunisi (m/s 31-47). Dalam bahagian tokoh ini juga terbahagi kepada enam bahagian iaitu Pendahuluan, Konsep Medonisme dan masalah kemunduran orang Islam, syura dan demokrasi terpandu, penguatkuasaan hukum, keadilan, kebebasan dan kesaksamaan dan kesimpulan. Seterusnya, bahagian yang terakhir ialah pemikiran yang dibawa oleh Rashid al-Ghannushi (m/s 51-96). Bahagian tokoh ini pula terbahagi kepada tujuh bahagian iaitu pendahuluan, sumbangan penting tokoh, bingkai memahami model negara madani, demokrasi transisi dan pluralisme agama, hipotesis dualism hak tuhan dan hak asas manusia, tanggapan terhadap idea al-Ghannushi dan kesimpulan.

Pada bahagian pertama iaitu falsafah yang dibawa oleh Ibnu Khaldun (1332M-1405M). Penulis menceritakan dengan membahagikan kepada beberapa bahagian pada bahagian pertama seperti yang disebut di atas. Penulis bermula dengan meletakkan biodata Ibnu Khaldun secara ringkas termasuk kitab-kitab yang telah ditulis dan idea yang dibawa oleh Ibnu Khaldun. Pada pendahuluan, penulis menceritakan sudut pandangan Ibnu Khaldun terhadap jatuhan bangun sesebuah bangsa dalam satu-satu tamadun. Penulis meneruskan kepada sub-topik metod sejarah dan falsafah ketamadunan. Penulis menceritakan pembacaan dan pandangan Ibnu Khaldun dalam sejarah yang telah kaji oleh penyelidik. Ibnu Khaldun meletakkan asas dalam pendidikan ini, dimulakan dengan pendekatan sejarah. Beliau mengumpul semua bahan sejarah yang ada pada zaman itu dan dijadikan sebagai alat untuk memahami peralihan sesebuah masyarakat. Selepas itu, penulis meletakkan sub-topik *asabiyyah*, *badawa* dan *Hadharah*. Dalam sub-topik ini Ibnu Khaldun menjadikan *asabiyyah* sebagai faktor kepada kebangkitan dan juga keruntuhan. *Asabiyyah* yang dimaksudkan oleh Ibnu Khaldun ialah semangat kebersamaan dalam mamajukan negara dan muhasabah diri pada skala yang besar merujuk kepada bangsa atau kaum lain. Dalam *asabiyyah* ini juga ada *badawa* (masyarakat

desa) dan *Hadharah* (masyarakat kota) yang akan menjadi kuat apabila bersatu dalam ikatan Asabiyah. Seterusnya, Ekonomi yang pesat memainkan peranan dalam sesebuah disnati merupakan antara unsur yang akan menghancurkan sesuatu dinasti akibat daripada sikap bermewah-mewahan dan rampasan hak milik orang lain. Kemudian, penulis meletakkan perbincangan Ibnu Khaldun tentang pemerintahan Islam dan kerajaan semula jadi iaitu kerajaan yang dibina melalui adat, budaya dan undang-undang yang dibawa sesebuah masyarakat sehingga terbentuk pemerintahan. Dalam sub-topik ini Ibnu Khaldun membahagikan kerajaan kepada tiga iaitu kerajaan terbentuk semula jadi, pemerintahan ahli falsafah dan kerajaan para nabi iaitu negara Islam. Ibnu Khaldun lebih cenderung kepada kerajaan semula jadi yang muncul dari norma masyarakat tertentu. Akhir sekali, Ibnu Khaldun lebih hampir dengan peradaban ilmu dan tamadun yang berpusat di Andalusia, Sepanyol yang terkenal dengan ahli falsafah seperti Aristotle dan Plato. Ibnu Khaldun lebih cenderung memgemukakan model negara Islam yang berdasarkan nasihat para ulama yang lebih menjaga syariah Islam dan akan mengukuhkan sesebuah dinasti atau kerajaan. Tujuan penulis menceritakan tentang perkara diatas adalah untuk menarik pembaca melihat falsafah Ibnu Khaldun dalam membantu sesebuah masyarakat membina sebuah tamadun yang berjaya dalam aspek falsafah politik, aqidah, ekonomi dan pendidikan dengan menghubungkan syariah yang telah ditetapkan dalam Islam. Perkara ini membuatkan falsafah yang dibawa oleh Ibnu Khaldun masih relevan dan menjadi rujukan sehingga kini.

Seterusnya, pada bahagian kedua ialah falsafah yang dibawa oleh Khairuddin at-Tunisi (1820M-1890M). Penulis menyusun kepada beberapa bahagian. Penulis bermula dengan biodata secara ringkas. Beliau berasal dari Circassia, wilayah Caucasi dan seorang intelektual Islam modernis pada abad ke-19 ketika pengaruh Eropah yang semakin meluas. Seterusnya, pendahuluan bahagian ini, Penulis ingin mengetengahkan falsafah Khairuddin at-Tunisi dalam menggabungkan kebaikan falsafah Barat dengan ilmu yang terdapat dalam ajaran al-Quran dan dihurai panjang pada sub-topik selepas ini. Penulis mulakan dengan konsep *modenisme* dan masalah kemunduran orang Islam. Khairuddin berpandangan banyak kemajuan yang boleh dipelajari dari Barat dan boleh digabungkan sejarah dengan ajaran Islam yang boleh disebut sebagai *modenisme syncretism*. Kemudian penulis sambung kepada sub-topik Syura dan *Tutelary Democracy*. Khairuddin at-Tunisi mengetengahkan konsep *Tutelary Democracy* bagi memastikan aspek kuasa Tuhan dan kuasa rakyat dapat menjadikan sumber dalam menggerakkan sistem demokrasi secara seiring. Khairuddin at-Tunisi juga mengetengahkan juga sistem *syura*. Menurut beliau menjadi satu kewajipan dalam satu kerajaan Islam. Kedua-dua ini memainkan peranan dalam sistem kerajaan dan hak rakyat dapat disuarakan. Seterusnya, Penguatkuasaan hukum, Khairuddin at-Tunisi berpendapat polisi, undang-undang atau hukum yang lebih baik akan dapat menyelesaikan masalah kemajuan Islam. Beliau berhasrat menujuhkan institusi *amar makruf nahi munkar* bagi membolehkan seruan kebijakan dan larangan dapat dikuatkuasakan. Melalui institusi ini juga dapat memantau masalah sosial dan penyelewengan yang berlaku dalam kalangan peniaga atau pemerintah. Selepas penguatkuasaan hukum, Khairuddin at-Tunisi mengetengahkan keadilan, kebebasan dan kesaksamaan. Khairuddin at-Tunisi berpendapat bahawa semakin banyak hukum Islam, terutamanya dalam bidang Syariah ditafsirkan semula dan diterapkan dalam sesebuah masyarakat, semakin berkuranglah penyelewengan yang berlaku. Ini kerana hukum tersebut bersumberkan wahyu, sambil memastikan keadilan, kebebasan, dan kesaksamaan yang selaras dengan prinsip Islam tercapai. Akhir sekali, Khairuddin at-Tunisi mempunyai gelaran sebagai *modernis-syncretisme*. Hal ini kerana beliau mahukan model pembangunan barat dicontohi

beriringan dengan penafsiran semula hukum Syariah yang mengikut peredaran zaman. Bagi Khairuddin at-Tunisi, mencontohi kebaikan pembangunan atau tamadun Barat tidak menjadi satu kesalahan selagi tidak bertentangan dengan Islam. Namun pada zaman beliau iaitu zaman pemerintahan Uthmaniyah, pandangan beliau tidak diterima oleh pihak pemerintah kerana sikap tegas penyelewengan yang berlaku dan keengganannya beliau tunduk terhadap kuasa kewangan Eropah. Tujuan penulis menceritakan tentang perkara diatas adalah untuk menarik pembaca melihat falsafah Khairuddin at-Tunisi yang tidak menolak semua dari kemajuan Eropah. Beliau mengambil kelebihan yang dilakukan oleh Eropah dan dikombinasikan dengan agama Islam. Beliau juga berjuang dalam memajukan pemerintahan Islam dengan mengetengahkan undang-undang yang bersumberkan wahyu kerana akan mengurangkan masalah penyelewengan yang berlaku dan menjadi sebuah negara Islam yang maju dan setanding dengan negara Eropah.

Bahagian yang terakhir ialah falsafah yang dibawa oleh Rashid al-Ghannushi (1941M-Kini). Penulis menyusun kepada beberapa bahagian iaitu dimulakan biodata secara ringkas. Beliau dilahirkan pada 22 Jun 1941 di sebuah perkampungan kecil yang terletak berhampiran dengan Hamma di wilayah Gabes iaitu di tenggara Tunisia, beliau merupakan anak bongsu daripada 10 orang adik-beradik yang membesar dibawah ayahnya, Sheikh Muhammad. Seterusnya, Penulis memberitahu peranan Rashid al-Ghannushi selain pemikir sebagai aktivis sosial dan ahli politik, beliau juga berperanan dalam melakukan gerakan massa bagi menumbangkan pemerintahan autokrasi di Tunisa. Padangan beliau sering dirujuk oleh ramai pihak termasuk orang Islam dan orang yang berlainan agama dan falsafah. Penulis mulakan dengan sumbangan tokoh. Sumbangan Rashid al-Ghannushi lebih terkenal dengan gagasan beliau dalam bidang politik. Gagasan beliau menjadi sumbangan dalam membina masyarakat yang bertamadun yang berpandukan sumber wahyu dan dibangunkan secara seimbang. Asas yang sangat penting dalam pentakrifan tamadun oleh beliau ialah penggerapan konsep madani yang mengandungi etika Islam berpandukan *maqasid syariah* seperti keadilan, kesaksamaan, perbincangan, kebebasan dan hak asasi. Daripada gagasan ini, Rashid al-Ghannushi menterjemahkan risalah kecil berjudul *al-Islam wa ad-Muqratiyah* yang ditulis oleh Malik Bennabi yang merupakan mentor beliau. Kemudian, penulis meneruskan dengan sub-topik bingkai memahami model negara madani. Model negara madani yang dicadangkan oleh Rashid al-Ghannushi adalah satu pendekatan lain daripada yang lain yang mengharmonikan etika Islam dengan prinsip-prinsip demokrasi moden. Ia bertujuan membentuk negara yang inklusif, adil dan demokratik, di mana semua rakyat dapat hidup dalam keharmonian tanpa meninggalkan nilai agama atau kebebasan individu. Model madani ini bukan sahaja relevan untuk Tunisia tetapi juga memberikan inspirasi kepada negara-negara lain yang berusaha untuk membina masa depan yang lebih baik termasuk negara Malaysia. Seterusnya, demokrasi transisi dan pluralisme agama. Pemikiran Rashid al-Ghannushi tentang demokrasi transisi (transformasi demokrasi) dan pluralisme agama (kepelbagaian dalam agama) adalah contoh yang unik bagaimana etika Islam dapat digabungkan dengan prinsip demokrasi moden. Beliau percaya bahawa masyarakat yang demokratik dan harmoni hanya boleh dicapai melalui dialog, toleransi dan penghormatan terhadap kepelbagaian agama serta politik. Beliau juga berpendapat pluralisme ini penting kerana hak sama rata untuk semua lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama dan jantina. Hal ini juga menunjukkan toleransi orang Islam terhadap penganut agama lain dalam mewujudkan masyarakat yang harmoni. Falsafah ini telah membentuk Tunisia sebagai salah satu negara paling stabil selepas *Arab Spring*, menjadikan beliau tokoh penting dalam konteks politik Islam moderat. Seterusnya, penulis membawakan

sub-topik hipotesis dualism hak tuhan dan hak asasi manusia. Pemikiran Rashid al-Ghannushi menunjukkan bahawa hipotesis dualisme hak Tuhan dan hak asasi manusia kedua-dua aspek ini boleh wujud secara harmoni dalam sebuah negara moden. Beliau yakin bahawa etika Islam memberikan asas moral kepada hak asasi manusia, manakala hak asasi manusia memastikan keadilan dan kebebasan untuk semua. Pendekatan ini mencerminkan keupayaan Islam untuk beradaptasi dengan keperluan zaman moden tanpa kehilangan nilai asasnya. Pada tokoh ini, penulis meletakkan sub-topik khusus iaitu tanggapan terhadap idea Rashid al-Ghannushi. Hal ini kerana idea beliau terdapat isu-isu kontroversi lebih-lebih lagi beliau banyak memberi respons dalam media yang dipengaruhi oleh dunia Barat. Antara isu-isu yang kontroversi termasuklah hak asasi manusia perspektif barat, konsep demokrasi dan sekularisme dan isu LGBT dan amalan seks luar tabii. Daripada respons para pakar pada jadual skala yang menunjukkan dua tanggapan terhadap idea Rashid al-Ghannushi dapat diperhalusi lagi tentang pemahaman konsep kedaulatan rakyat yang merupakan sumber kuasa hak Tuhan dan hak asasi manusia. Penulis menunjukkan bahawa demokrasi Islam sangat bercanggah dengan demokrasi liberal sangat jelas. Dua perkara diperhalusi adalah mengenai isu berkaitan demokrasi dan hak asasi khususnya terdapat dalam Pengisyiharan Hak Asasi manusia Sejagat yang berkaitan dengan amalan LGBT di Tunisia dan isu *sexual orientation and gender identity* (SOGI). Akhir sekali, setiap wilayah Islam yang berbeza mempunyai masalah yang berbeza, namun setiap wilayah dikurniakan Tuhan dengan tokoh-tokoh pemikir Islam. Daripada bahagian tokoh ini, dapat dilihat tujuan penulis menceritakan tentang perkara diatas adalah untuk menarik pembaca melihat perjalanan falsafah yang dibawa oleh Rashid al-Ghannushi dalam membawa falsafah beliau hingga ke harini. Bermula dengan didikan keluarga yang hebat hingga menjad tokoh pemikiran yang hebat terutama dalam bidang falsafah politik. Beliau berusaha membuktikan bahawa sistem politik Islam boleh berfungsi secara harmoni dalam dunia moden dengan menekankan keadilan, kebebasan dan hak asasi. Walaupun ideologinya menghadapi cabaran praktikal dan kritikan, ia tetap menjadi inspirasi bagi banyak negara Islam yang ingin mengharmonikan agama dan demokrasi.

Buku ini mempunyai kekuatan yang baik dari sudut gaya bahasa yang mudah difahami dan jelas serta boleh dibaca oleh lapisan masyarakat, metodologi yang menarik, isi kandungan yang dibahagikan dengan kemas dan memudahkan pembaca dalam mencari bab serta sub-topik semula, sub-topik yang saling berkait mengikut kronologi dan sudut fakta ilmu yang merujuk kepada karya-karya asli tokoh-tokoh tersebut yang memberikan kredibiliti kepada analisisnya. Namun, disini pengulas ingin mencadangkan penambahbaikan iaitu huraiyan yang lebih kritis dan seimbang terhadap setiap tokoh agar lebih seimbang dari sudut fakta ilmu yang dianalisis dalam buku ini. Contohnya, Penekanan terhadap pemikiran Rashid al-Ghannushi mungkin lebih mendalam berbanding Ibnu Khaldun dan Khairuddin At-Tunisi. Hal ini mungkin disebabkan oleh relevansi Rashid al-Ghannushi dengan isu semasa, tetapi ia menyebabkan analisis terhadap dua tokoh lain terasa kurang mendalam. Selain itu, meletakkan analisis perbandingan yang mendalam agar pembaca dapat melihat dan memahami dengan jelas setiap pemikiran yang dibawa oleh tokoh-tokoh ini sekaligus membantu pengkaji membuat kajian berdasarkan falsafah yang dibawa oleh tokoh-tokoh ini.

Penulis membawa buku yang menarik ini kepada pembaca berkaitan peranan falsafah politik, aqidah dan pendidikan Islam dalam membentuk masyarakat yang beradab dan progresif. Melalui analisis pemikiran tiga tokoh utama, buku ini menekankan kepentingan pendidikan

sebagai alat perubahan sosial dan politik yang selari dengan etika Islam. Ibn Khaldun mengetengahkan konsep asabiyyah sebagai asas pembinaan tamadun, Khairuddin At-Tunisi menyeru reformasi pendidikan untuk menghadapi cabaran moden, manakala Rashid al-Ghannushi mengharmonikan Islam dengan demokrasi. Walaupun analisisnya mendalam, namun fokusnya lebih kepada teori dan kurang dari sudut aplikasi praktikal. Buku ini tetap relevan sebagai rujukan ilmiah untuk memahami hubungan antara pendidikan, falsafah, dan politik dalam konteks dunia Islam moden. Semoga ulasan ini dapat memberi penjelasan dan menarik kita dalam mendalami ilmu falsafah yang dibawa oleh cendiakawan Islam.

**Muhammad Muaz Mohamed Izuddin**

Pelajar Sarjana, Bidang Pendidikan (Pengajian Islam).  
Akademi Tamadun Islam,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.  
Universiti Teknologi Malaysia

**Dr. Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain**

Pensyarah Kanan,  
Akademi Tamadun Islam,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.  
Universiti Teknologi Malaysia

**Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi**

Pensyarah,  
Akademi Tamadun Islam,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.  
Universiti Teknologi Malaysia